



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Mohamed Ali Haniffa, Sharifah Ismail & Naizatul Akma Mohd Mokhtar. (2025). Selayang pandang pembinaan Malaysia yang terbilang. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(2), 10-23. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.2>

SELAYANG PANDANG PEMBINAAN MALAYSIA YANG TERBILANG

(Understanding The Evolution of Building a Distinguished Malaysia)

**¹Mohamed Ali Haniffa, ²Sharifah Ismail &
³Naizatul Akma Mohd Mokhtar**

^{1,2&3}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

¹*Corresponding author: m.ali@uum.edu.my*

Received: 4/4/2025

Revised: 31/5/2025

Accepted: 1/6/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai evolusi pembinaan Malaysia yang terbilang. Kepelbagaian etnik menjadi teras kekuatan Malaysia yang telah berakar umbi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Orang Melayu memiliki kekayaan melalui penglibatan mereka dalam industri perlombongan bijih timah sebelum campur tangan British di Negeri-negeri Melayu. Polisi British yang bertembung dengan rukun teras orang Melayu sejak tahun 1874 mengubah komposisi masyarakat dari bersifat serumpun kepada masyarakat majmuk. Perang Dunia Kedua menyebabkan tentera Jepun berkuasa dan diikuti dengan kezaliman komunis sehingga menyebabkan masyarakat berpecah belah. Objektif kajian ini ialah untuk meneliti proses pembinaan negara sehingga terbentuknya Malaysia yang terbilang. Kesedaran pendidikan membangkitkan nasionalisme dan kompromi kaum dicetuskan bagi menuju ke arah kemerdekaan negara. Perbincangan dalam artikel ini bersandarkan kepada kaedah

penyelidikan keperpustakaan melibatkan dokumen pejabat kolonial, fail arkib dan sumber sekunder. Hasil penelitian mendapati bahawa kerencaman dan kepelbagaian masyarakat majmuk menjadi kekuatan dalam berkompromi serta merintis jalan ke arah kemerdekaan negara. Kepelbagaian menjadi kekuatan dan perlu dipertahan dan diperteguhkan bagi membina bangsa yang terbilang.

Kata kunci: Malaysia, Kesultanan Melayu Melaka, Perang Dunia Kedua, *Sejarah Melayu*, *Waadat*

ABSTRACT

This paper discusses the evolution of building a distinguished Malaysia. Ethnic diversity has been become the core of Malaysia's strength that has been rooted since the time of the Malay Sultanate of Malacca. The Malays acquired wealth through their involvement in the tin mining industry before British intervention in the Malay states. British policies that clashed with the core principles of the Malay people since 1874 changed the composition of society from a homogeneous to a plural society. World War II brought the Japanese army to power and was followed by communist tyranny thus causing society to be divided. The objective of this study is to examine the process of nation building until the formation of a distinguished Malaysia. Educational awareness raised nationalism and racial compromise was triggered to move towards national independence. The discussion in this article is based on library research methods involving colonial office documents, archive files and secondary sources. The results of the research found that the diversity and diversity of a plural society became a strength in compromising and pioneering the path towards national independence. Diversity is a strength and needs to be defended and strengthened to build a distinguished nation.

Keywords: Malaysia, Malay Sultanate of Malacca, World War II, Malay Annals, Waadat

PENGENALAN

Kepelbagaian bangsa yang di latari di Malaysia menjadi salah satu ciri yang unik dan mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Keluasan Malaysia kini meliputi 330,534 kilometer persegi dan terletak di Asia Tenggara. Kedudukan Malaysia terpisah oleh Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Tanah Melayu diliputi oleh banjaran gunung dan kawasan tanah tinggi yang berbukit-bukau dari arah utara ke selatan. Kedudukan gunung-ganang ini juga memisahkan kawasan Pantai Barat dengan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Pada abad ke-16, emas dilombong dalam kuantiti yang banyak di Tanah Melayu dan merupakan antara galian yang amat penting.

Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu bertali arus setelah British menduduki Pulau Pinang, diikuti Singapura dan Melaka pada tahun 1826. Ketiga-tiga negeri ini disatukan menjadi Negeri-negeri Selat (NNS) pada tahun 1826 berikutan Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Kemasukan imigran ke Tanah Melayu meningkat berikutan polisi ekonomi British pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 yang berhasrat mengaut kekayaan dari Tanah Melayu. Situasi tersebut berlarutan sehingga awal abad ke-20. Tanah Melayu (sekarang

Semenanjung Malaysia) mempunyai keunikan kerana dilatari pola masyarakat majmuk. Malaysia kini mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam membincangkan beberapa persoalan yang dilontarkan mengenai pembinaan Malaysia yang cemerlang. Hal yang demikian menyebabkan metode penyelidikan kepustakaan melibatkan analisis sumber primer dari Pejabat Kolonial dan fail arkib digunakan. Dokumen dari War Office Record, Colonial Office Record dan Malayan Union Secretariat turut diteliti. Sumber sekunder meliputi buku-buku dan akhbar juga digunakan. Kepelbagaian metode yang digunakan diharapkan dapat merungkai persoalan yang dibincangkan dalam artikel ini.

KEPELBAGAIAN MASYARAKAT DI TANAH MELAYU

Penelitian selang pandang perlu dilakukan mengenai kemakmuran yang pernah dimiliki dan ditinggalkan. Bukan untuk menuding jari dan mencari kesalahan tetapi sekadar mengambil iktibar daripada legasi kehebatan yang pernah dikecapi. Sejarah membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai kepatuhan yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintah. Meneliti *Sejarah Melayu*, *waadat* termeterai antara Sri Tribuana dengan Demang Lebar Daun yang mewujudkan ikatan persetujuan di antara golongan pemerintah dan juga rakyat jelata. *Waadat* sudah wujud sejak zaman-berzaman seolah-olah menjadi satu tradisi, kebiasaan atau adat yang boleh diterima.

Hal yang sudah termaktub sejak dahulu dalam satu salasilah agung diraja dianggap keramat dan tidak boleh dipersoalkan, apatah lagi dipertikaikan. Konsep daulat dan derhaka menjadi elemen pengukuhan kedudukan sultan. Justeru itu, golongan raja sering dikaitkan dengan elemen luar biasa dan pengertian derhaka. Kedua-dua konsep tersebut berkait rapat dan dititikberatkan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisi.

Identiti orang Melayu dicerminkan melalui ketinggian tamadun dan peradaban yang dilengkapi dengan peraturan serta tatacara kehidupan. Lakaran identiti tersebut menjadi salah satu kekuatan kepada akar budi sosiobudaya kini. Ketamadunan masyarakat Melayu tradisional membuktikan bahawa pembentukan sistem sosiopolitik dan ekonomi negara wujud sejak zaman sebelum kedatangan kuasa penjajah. Sistem bahasa, kepercayaan dan *world view* menjadi kekuatan dalam mencorakkan wajah bangsa Melayu pada masa tersebut. Orang Melayu sebagai peribumi sudah memiliki kehebatan sejarah dan peradaban. Walau bagaimanapun, kehadiran penjajah yang tidak diundang membawa misi memecahbelahkan dan meminggirkan etnik. Menelusuri sejarah keagungan dan liku-liku kelahiran sebuah negara moden hari ini, asasnya dibina sejak dari Kesultanan Melayu Melaka (KMM) yang diasaskan pada tahun 1400 Masihi. Membina sebuah politi Melayu adalah terlalu sukar, namun apabila tidak dijaga akan terlepas daripada genggaman.

Faktor geografi yang strategik dan kemasyuran kekayaan KMM menjadi sebutan dan impian kuasa-kuasa asing dunia ketika itu khususnya bangsa Portugis. Hatta Tome Pires menulis di

dalam *The Suma Oriental of Tome Pires* “Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice.” Pernyataan tersebut menggambarkan kekayaan yang dimiliki di bumi bertuah Melaka. Kemasyhuran Melaka jelas apabila bahasa Melayu menjadi *lingua franca* daripada 84 bahasa yang dipertuturkan di pelabuhan Melaka (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2008).

Bukan itu sahaja, kepelbagaian bangsa di dalam KMM dapat hidup dalam suasana yang aman kerana masyarakat berbilang kaum itu mempunyai sifat setia dan taat kepada pemerintah (*Berita Harian*, 1 Jun 2010). Naluri semulajadi orang Melayu ialah taat terhadap pemerintah. Walau bagaimanapun, fitnah, curiga dan berprasangka menimbulkan bermulanya bibit kejatuhan sebuah kesultanan Melayu. Kehebatan KMM yang tidak mampu dipertahankan akhirnya membawa kepada keruntuhannya pada 24 Ogos 1511.

Peristiwa ini juga menjadi petanda bermulanya era penjajahan Barat di Tanah Melayu dan hampir ke seluruh Asia Tenggara (Mohamed Ali Haniffa, 2019). Menjelang abad ke-17, Johor adalah kuasa Melayu yang paling utama, namun masih tidak dapat menandingi Melaka dari sudut wilayah kekuasaannya. Di sepanjang tempoh ini muncul beberapa kerajaan Melayu lain seperti Patani yang terletak di wilayah Selatan Thailand hari ini dan Brunei di Borneo Utara. Kebanyakan Raja Melayu mempunyai status dan prestij genealogi keturunan yang setanding antara satu sama lain (Milner, 2016).

Malaysia dibina di atas darah dan keringat pejuang-pejuang terdahulu namun, kolonialisme serta imperialisme Barat mengubah kedudukan dan struktur sosiopolitik dan budaya peribumi. Pada Ogos 1786, British menduduki Pulau Pinang. Ini diikuti oleh Sir Stamford Raffles yang meluaskan pengaruh dan menduduki Singapura pada tahun 1819 (John G. Butcher, 1979). Penyerahan Melaka oleh Belanda kepada British berlaku berikutan Anglo-Dutch Treaty yang dimeterai di London pada 17 Mac 1824. Penyerahan wilayah tersebut diperincikan dalam Artikel VIII hingga XV dalam perjanjian tersebut (Mills, 2003). Imperialisme Barat membawa kepada transformasi politi masyarakat Melayu tradisional yang diwarisi sejak zaman berzaman.

PENGLIBATAN BRITISH DI NEGERI-NEGERI MELAYU (NNM)

Transformasi berlaku di negeri Perak apabila Sultan Perak menerima seorang pegawai British yang bergelar residen berikutan Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Ini merupakan permulaan dasar campur tangan British dalam struktur politik NNM. Sistem pemerintahan sekular dilaksanakan setelah terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1895 dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) seperti Kelantan (1910), Johor (1914), Terengganu (1919), Kedah (1923) dan Perlis (1930). Justeru itu, berakar umbinya sistem perundangan British yang mempengaruhi dan mengubah kemajuan institusi masyarakat, kekeluargaan serta material. Hal yang demikian turut mempengaruhi mental dan spiritual orang Melayu.

Polisi campur tangan memperuntukkan ruang kuasa yang tidak terbatas kepada British untuk mengorientasikan kekayaan di NNM. British memandang rendah seperti hamba terhadap penduduk Tanah Melayu (*MU* 1099/1946, 28.12.46). Ini bertepatan dengan pendekatan ‘beban orang putih’ dan ‘pecah perintah’ yang dipraktikkan dalam melaksanakan pentadbiran di Tanah Melayu. Kritikan terhadap pendekatan British dibincangkan dalam media massa

bercetak seperti akhbar sebelum Perang Dunia Kedua seperti berikut: 'Musim susah ini sedia termaklum sedangkan orang laki-lakinpun susah hendak mencari kehidupan dua tiga puluh sen sehari dengan jalan yang halal hempas tulang empat kerat' (Siti Rodziyah Nyan, 2009).

Orang Melayu secara terus menerus memperjuangkan keharmonian dan keselamatan di Tanah Melayu. Usaha tersebut dilakukan dalam satu kongres sebuah parti nasionalis di Ipoh pada 30 November 1945 (*WO* 203/5642, Aug-Dec 1945). Mereka menyalahkan polisi British yang menyebabkan hubungan dalam kalangan orang Cina dan Melayu menjadi renggang. Sejak tahun 1930-an, segelintir pemikir dan cendekiawan Melayu seperti Ishak Haji Muhammad serta Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) mula mempersoalkan mengenai kemasukan golongan imigran yang agak ramai. Bahang kemelesetan ekonomi dunia sejak tahun 1929-1932 digunakan sebagai ruang oleh orang Melayu bagi menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap dasar kolonial. Kekuatan ekonomi yang dimiliki oleh orang Cina dilihat sebagai ancaman oleh orang Melayu khususnya dalam aspek ekonomi dan politik (Cheah Boon Kheng, 1983). Nilai pelaburan komuniti Cina di Tanah Melayu menjelang tahun 1937 ialah sebanyak USD 200 juta (Purcell, 1948).

Masyarakat di Tanah Melayu berada dalam keadaan tertekan berikutan tindakan British memberikan bantuan kepada golongan imigran ketika itu. Antara tindakan yang dilakukan ialah melalui pemberian tanah dan penghantaran pulang imigran ke tanah air mereka bagi yang kehilangan pekerjaan. Turut dilakukan apabila *Temporary Occupational Licence* (TOL) dikeluarkan. Residen Selangor, T.S. Adam (1932-1937) memberikan kebenaran kepada pemilik tanah TOL mengusahakan tanaman jangka pendek sahaja seperti sayur-sayuran.

Percaturan ekonomi kolonial terserlah apabila setiap kelompok etnik dicorakkan dengan jenis pekerjaan khusus. Negeri Perak yang sinonim dengan industri perlombongan bijih timah dibanjiri sejumlah besar orang Cina sejak tahun 1777. Mereka terus menetap di lokasi tersebut pada tahun 1830 berikutan obligasi ekonomi (Sullivan, 1982). Industri perlombongan pada peringkat awal diusahakan oleh saudagar Melayu dan Cina. Kekayaan mereka menyebabkan terdapat sebilangan orang Cina dari Negeri-negeri Selat yang turut berperanan sebagai pemodal dalam sektor tersebut. Menjelang tahun 1872 terdapat di antara 20,000 hingga 25,000 orang Cina yang menetap di Larut, Perak. Industri tersebut juga berkembang ke serata negeri Perak, Selangor dan Sungei Ujong serta membawa kepada kewujudan kedai-kedai perniagaan pada tahun 1858 di Kuala Lumpur khususnya di kawasan persimpangan Klang dan Sungai Gombak (Butcher, 1979).

Menyedari kepentingan ekonomi, British membawa masuk sejumlah besar imigran India dan Cina ke Tanah Melayu bagi tujuan menjana sektor perlombongan bijih timah serta getah (Just Faaland et. al. 1991). Hal yang demikian menyebabkan populasi di Tanah Melayu meningkat dari 250,000 orang sejak tahun 1800 menjadi 6.3 juta orang menjelang tahun 1957. Walau bagaimanapun, angka tersebut meningkat drastik menjadi 9.2 juta orang menjelang tahun 1970 (Sudhir Anand, 1983). Bilangan orang Cina dicatatkan terus meningkat ke angka sebanyak 2,614,667 orang menjelang tahun 1947 (M.V. Del Tufo, 1949).

Tanah Melayu juga turut menjadi lokasi strategik bagi penghijrahan orang India menjelang penghujung abad ke-15. Kemasukan buruh ke Tanah Melayu adalah melalui Sistem Kangani. Walau bagaimanapun, Kerajaan India hanya melakukan kawalan migrasi selepas tahun 1867 dan sejak 1897 (Kernial Singh Sandhu, Vol. III, No. 4). Justeru itu, seramai 20,000 orang

imigran India di bawa masuk ke Tanah Melayu pada tahun 1881. Menjelang tahun 1890-an, ramai dalam kalangan imigran India yang datang ke Tanah Melayu termaktub di bawah undang-undang. Mereka terus menetap di Tanah Melayu walaupun tempoh kontrak pekerjaan tamat. Bilangan orang India terus meningkat menjadi 76,000 orang antara tahun 1931 dan 1940 (Norton Ginsburg & Chester F. Roberts, J.R., 1958). Terdapat juga sebahagian komuniti India dari Gujerat yang dikenali sebagai Marakkayar terlibat dalam perniagaan.

Kedudukan orang Melayu dilihat tergugat sejak tahun 1920-an hingga 1930-an berikutan kegawatan ekonomi dan digambarkan sebagai “ayam di kepuk mati kelaparan dan itik di air mati kehausan” (Siti Rodziah Nyan, 2009). Orang Melayu ketika itu disaran agar bersatu padu membela nasib bangsa sendiri. Seruan untuk bangsa Melayu bersatu juga sering dicanangkan kerana ketidaksepaduan kaum akan menyebabkan kemunduran bangsa dalam setiap aspek kehidupan.

PENDERITAAN KETIKA ‘ZAMAN UBI KAYU’

Kesedaran untuk membebaskan tanah air mula diberikan perhatian apabila pendidikan dititikberatkan dalam kalangan setiap etnik. Nasionalisme keintelektualan bagi golongan yang berpendidikan agama turut membawa kepada reformasi pendidikan bagi golongan wanita. Hal yang demikian bertentangan dengan pandangan “Kaum Tua” yang konservatif dengan menyatakan bahawa tugas wanita hanya dalam ruang lingkup menjadi isteri dan ibu di rumah sahaja (*Saudara*, 1 Februari 1930). Idea golongan intelektual Melayu menyebabkan kepada penubuhan persatuan-persatuan yang tidak bermotifkan politik. Sebagai contohnya ialah pembentukan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya pada 15 April 1934 yang asalnya bermula dari Sahabat Pena. Persatuan tersebut dipelopori oleh beberapa orang tokoh prolifik seperti Ahmad Boestamam, Abdullah Hussain, Mustapha Hussain dan tidak terkecuali Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj, dan lain-lain lagi (Siti Rodziah Nyan, 2009).

Sama seperti kuasa imperialis yang lain, kekayaan dan kemakmuran Tanah Melayu juga menarik minat tentera Jepun untuk melakukan penaklukan. Jepun pula sudah mempunyai minat untuk menguasai kawasan Asia sesuai dengan matlamat Lingkungan Kesemakmuran Asia Raya. Kekurangan tanah pertanian menyebabkan bangsa Jepun berhijrah ke bahagian Utara Manchuria, khususnya di Sankiang, Pinkiang dan Mutankiang bagi membina penghidupan yang baru (*FO 371/22159 (104-107)*, Memorandum-Japanese Immigration To Manchuria).

Salah satu daripada dasar luar Jepun yang penting sebelum terlibat dalam Perang Dunia Kedua ialah mewujudkan satu *Orde Baru Asia Timur Raya*. Orde Baru ini ditukar menjadi Lingkungan Bersemakmuran/Kesemakmuran Besar Asia Timur pada tahun 1940. Selepas menakluk hampir seluruh Asia, Jepun tidak menunaikan slogan Asia untuk Asia. Slogan ini hanya retorik dan bertujuan untuk mendapatkan sokongan orang Asia supaya mengalahkan kuasa Barat (*Syonan Sinbun*, 20.6.1943).

Kelemahan sistem pertahanan British menyebabkan Tanah Melayu dan Singapura diduduki oleh tentera Jepun. Pada 21 Februari 1942, Tomoyuki Yamashita mengeluarkan kenyataan di akhbar *Syonan Times* mengenai pendudukan Jepun secara rasmi di Tanah Melayu (Paul H. Kratoska, 1997). Hasil bumi Tanah Melayu terus dirobek apabila Jepun menjajah selama

hampir tiga tahun lapan bulan. Kemenangan tersebut menyebabkan imej tentera Jepun dibanggakan. Bangsa Nippon dianggap sebagai penyelamat daripada kezaliman British. Sebagai membalas budi, penduduk Tanah Melayu diseru membantu dan membina Asia Raya yang dihasratkan (*Fajar Asia*, No. 7, 15 Gogatsu 2603, Tahun 1).

Kesedaran nasionalisme orang Melayu tercetus ketika pendudukan Jepun dan menyebabkan kemunculan persatuan-persatuan Melayu. Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dibentuk pada tahun 1937 bermatlamat membentuk penyatuan di bawah kepimpinan golongan intelegensia Melayu dari *Sultan Idris Training College* (SITC) dan yang berpendidikan Melayu serta Inggeris. Menjelang Jun 1942, pemerintahan tentera Jepun mengisytiharkan KMM sebagai persatuan yang dilarang namun Ibrahim Ya'acob, Mustapa Hussain, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam terus menggerakkan pertubuhan ini dalam usaha memerdekakan tanah air. Ketika tentera Jepun berada di ambang kekalahan pada awal tahun 1945, baharulah sikap mereka terhadap KMM sedikit berubah (Ahmat Adam, 2014).

Dasar penjepunan yang tidak mengambil peduli kemajmukan kaum menimbulkan bibit prasangka dan meruncingkan hubungan dalam kalangan etnik Melayu-Cina (Mohamed Ali Haniffa, 2002 & Abu Talib Ahmad, 2006). Hubungan harmoni di antara komuniti Melayu dan Cina sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua berubah menjadi renggang berikutan prasangka yang dipertajamkan sebelum pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu (*CO* 537/1580, 8 March 1946). Keharmonian kaum ketika itu tercalar berikutan sentimen dan bibit perpecahan yang ditanam ketika pendudukan tentera Jepun. Walau bagaimanapun, kekalahan tentera Jepun berikutan pengeboman di Hiroshima dan Nagasaki pada 14 Ogos 1945 menjadi permulaan kepada pembebasan negara-negara di lingkungan Asia Tenggara.

KOMUNIS DAN KEZALIMAN

Parti Komunis Malaya (PKM) pernah menjadi ancaman utama negara sebelum zahirnya tanah air yang merdeka. Perjuangan utama komunis dunia sejak awal tahun 1920-an, ialah untuk menawan negara-negara Asia. Dipengaruhi oleh teori Lenin tentang imperialisme, komunis di Tanah Melayu berazam untuk menjatuhkan kuasa penjajah dengan melemahkan politik dan ekonomi. Oleh yang demikian, komunis boleh merampas kawalan ke atas Tanah Melayu (Ho Hui Ling, 2010). Gene Z. Hanrahan, dalam bukunya menyatakan bahawa tokoh komunis dari Indonesia yang mula-mula mengambil langkah untuk menyebarkan ideologi komunis di Singapura (Khoo Khay Kim, 1984, Gene Z. Hanrahan, 1954). Kegagalan menyebarkan ideologi komunis di Eropah menyebabkan Lenin mengarahkan *comintern* mengubah pendekatan dan perhatian dari kawasan Barat (Eropah) ke kawasan koloni di Asia. Pada bulan Julai 1919, Lenin mengarahkan negara kapitalis Barat membekalkan senjata dan sokongan moral kepada pergerakan komunis di tanah jajahan (Gene Z. Hanrahan, 1954). Persamaan taraf dan pemikiran menjadi matlamat perjuangan golongan tersebut. Menjelang tempoh masa 1930-an, Tan Malaka dan Alimin berada di Tanah Melayu bagi menyebarkan fahaman komunis.

Cawangan Parti Kuomintang (KMT) menjadi nukleus kepada kemunculan komunis di Tanah Melayu. Kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan seperti akhbar dan sekolah Cina berperanan penting dalam usaha menyebarkan pengaruh komunis dalam kalangan penduduk Tanah Melayu, khususnya orang Cina. Beberapa orang personaliti komunis yang berpengaruh ketika

itu ialah Ho Hong Seng, Soh Pek Ngi, Wong Juat Pho, dan Mah Yap Peng. Pergerakan komunis menjadi lebih teratur dengan penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 30 April 1930. Dalam usaha merealisasikan pemikiran komunis, PKM menggunakan kaedah revolusi (Roslan Muhammad & Ishak Saat, 2017).

Sentimen benci orang Melayu terhadap orang Cina timbul apabila terdapat sebahagian dari mereka menyertai Kuomintang dan komunis. Terdapat juga yang bergabung tenaga dan menyertai tentera Bintang Tiga yang berada di bawah kawalan *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA). Di kawasan timur Kelantan, KMT diketuai oleh Wong Shin Fung, Lim Chee Leong dan Chiong Ah Poh. Di Betong dan bahagian atas Perak diketuai oleh Tai Man dan Hong Chi manakala di zon barat diketuai oleh Chen Lok (*WO 172/9773*, No. 23, Week Ending 9 April 1946).

Kawasan pekan kecil dan balai polis menjadi sasaran Bintang Tiga apabila tentera Jepun menyerah kalah menjelang Ogos 1945 (*WO 172/1784*, 21 September 1945 & Mohamed Ali Haniffa). Berbekalkan kelengkapan senjata, komunis tanpa perikemanusiaan menjatuhkan hukuman kepada orang Melayu. Mereka dituduh bersuhabat dengan tentera Jepun dan terdapat sebahagiannya diseksa tanpa alasan. Pemimpin tempatan seperti guru, imam, guru silat dan ketua kampung menjadi buruan. Kesempatan juga digunakan dengan membakar rumah penduduk kampung pada waktu malam (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011).

Segelintir orang Cina yang tidak bersalah turut menerima tempias kezaliman komunis. Singapura dijadikan tempat tahanan dan seksaan sehinggakan memakan korban hampir 70,000 orang dalam gerakan *Sook Ching* (*CO 537/3757*). Suasana ketika perang menyebabkan tentera Jepun memaksa orang Melayu menjadi perisik yang akhirnya menimbulkan dendam komunis (*MU. Sec. 6834/47*, 5th June 1947). Komunis juga bertindak zalim dalam mencetuskan keadaan huru-hara di Tanah Melayu seperti mencabuli kesucian agama Islam. Komunis bertindak biadab dan mengganggu rutin beribadat orang Melayu (Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5).

Kesucian masjid dicemari dan dijadikan sebagai tempat penyembelihan khinzir dan ruang bermesyuarat gerila komunis (Kenelm O.L. Burridge: 1951). Tahap kebiadaban komunis sangat melampau apabila al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011). Larangan dan sekatan terhadap orang Melayu seperti di Perak dan Batu Pahat, Johor menjadikan mereka semakin bersatu. Tindakan yang melampau menjadi faktor segera yang mencetuskan konflik berdarah Melayu-Cina (*WO 172/9773*).

Selepas pembentukan *British Military Administration*, British tidak sensitif dalam hal yang melibatkan agama orang Islam. Pada 18 Julai 1947, tindakan biadab British dapat dibuktikan apabila al-Quran digunakan dalam istiadat angkat sumpah belia Islam yang menyertai tentera (*MU. Sec. 8434/47*, 19.7.47). Tindakan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati orang Melayu dan disuarakan dalam akhbar *Utusan Melayu* sebelum dihantar surat bantahan (*MU. Sec. 8434/47*, 18 July 1947). Ancaman komunis yang menggugat keselamatan negara menyebabkan darurat disyitiharkan berikutan pembunuhan tiga orang peladang eropah di Sungai Siput, Perak. Revolusi bersenjata oleh PKM mengambil tempoh masa yang lama di antara tahun 1948 sehingga 1960 dan disusuli dengan Perjanjian Damai Hatyai di Thailand. Kerajaan terus melaksanakan tindakan yang konsisten dalam pembanterasan komunis.

KOMPROMI KAUM DAN KEMERDEKAAN

Bantahan melalui gagasan Malayan Union merupakan kesedaran massa orang Melayu dalam proses menuju kemerdekaan negara. Ketika dalam proses mencapai kemerdekaan negara, gerakan nasionalisme di Malaysia dicetuskan oleh orang-orang Melayu berasaskan kepada rasa cinta terhadap bangsa dan tanah air. Sementara kerjasama dan kompromi daripada kaum-kaum lain kemudiannya merupakan pengisian penting serta diperlukan bagi meneruskan dan memperkukuhkan cita-cita kemerdekaan.

Sebelum mencapai kemerdekaan, beberapa pakatan politik wujud bagi menyatukan penduduk Tanah Melayu. Syarat yang diberikan oleh kerajaan British mengenai kerjasama antara pelbagai kaum di Tanah Melayu diterima sebagai dasar politik baru Persekutuan Tanah Melayu. Dasar yang dipaksa oleh kerajaan British sejak tahun 1946 akhirnya diterima oleh pemimpin-pemimpin *United Malay National Organisation* (UMNO) dan bukan UMNO. Kesungguhan pemimpin politik dan rakyat Tanah Melayu yang mahu mengembalikan keharmonian menyebabkan *Communities Liaison Committee* (CLC) direalisasikan menjelang tahun 1949. CLC menjadi perintis kepada beberapa kerjasama dasar politik yang baharu. Antara intipati penting ialah menerima orang bukan Melayu atau orang dagang sebagai Rakyat Raja dalam *State Nationality 1951*. Kerakyatan *jus soli* secara bersyarat juga diberikan kepada orang dagang. Sistem pilihan raya diperkenalkan sebagai asas kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Oleh kerana orang Melayu ketinggalan, bantuan ekonomi, pendidikan dan sosial disalurkan. Pada akhir tahun 1950 *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) dihasratkan menjadi pemangkin bagi mencapai matlamat tersebut (Ramiah Adam, 2004).

Kemerdekaan negara dicapai atas usaha dan kompromi kaum di Tanah Melayu. Penduduk Tanah Melayu menerima sistem demokrasi melalui implementasi Sistem Ahli, sistem berparlimen dan rundingan kemerdekaan. Tarikh kemerdekaan dibincangkan dahulu dengan Syeikh Abdullah Fahim sebelum Tunku Abdul Rahman merundingkan kemerdekaan pada 1 Januari 1956 di London. Beliau memberikan cadangan tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 (Muhammad Ayman al-'Akiti et al., 2020). Walau bagaimanapun, tarikh kemerdekaan negara diumumkan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956 oleh Tunku (Zulkiple Abd. Ghani et al., 2006).

Kemerdekaan negara pada detik keramat 31 Ogos 1957 dicapai berikutan Pakatan Murni pelbagai kaum sehingga akhirnya bebas dari belenggu penjajahan. Model demokrasi berparlimen digunakan sebagai tunjang pemerintahan selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Peristiwa bersejarah tersebut memberikan inspirasi kepada pemimpin-pemimpin negara serantau yang akhirnya terlaksana pada 16 September 1963 melalui gagasan Malaysia. dengan penggabungan tiga lagi wilayah jiran iaitu Singapura, Sarawak dan Sabah ke dalam Gagasan Malaysia pada 16 September 1963. Penggabungan Sabah, Sarawak dan Singapura membentuk sistem federalisme antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Hari ini kita seharusnya berbangga kerana Sabah dan Sarawak merupakan saudara seibu sebapa yang berada dalam satu ruang geopolitik yang sama.

KERAPUHAN HUBUNGAN KAUM DAN 13 MEI 1969

Malaysia merupakan sebuah negara unik yang rencam sifatnya kerana dihuni oleh penduduk terdiri daripada pelbagai agama, etnik, kepercayaan dan fahaman politik. Sepanjang merdeka, negara ini mengalami ‘pasang surut’ dalam aspek pentadbiran, keamanan, keharmonian dan perpaduan. Namun demikian, rakyat kekal bersatu kerana memahami erti perjuangan generasi terdahulu (Mohamed Ali Haniffa, 14 Mac 2025). Pergeseran kaum pada 13 Mei 1969 meninggalkan impak yang mendalam terhadap struktur sosiopolitik dan ekonomi khususnya di Kuala Lumpur. Peristiwa tersebut juga dikenali sebagai ‘Tragedi Nasional’ dan membuktikan bahawa aspek keharmonian kaum masih lagi rapuh (Abdul Rahman Ibrahim, 2015). Peristiwa tersebut dikaitkan dengan bahang keputusan Pilihanraya Umum, 10 Mei 1969 (Ishak Saat, 2009). Provokasi perkauman oleh parti Perikatan dan pembangkang turut menjadi punca pergeseran (Comber, 2007). Hal yang demikian diikuti dengan kedangkalan memahami Perlembagaan Persekutuan dan prejudis terhadap kaum lain.

Ketidakseragaman dalam penguasaan perekonomian menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya permusuhan seperti ‘api dalam sekam.’ Hal yang demikian berpunca daripada legasi penjajahan British yang ditinggalkan walaupun kemerdekaan negara dipugar selepas itu. Soal kependudukan termasuk persamaan dan penguasaan ekonomi merupakan salah satu masalah yang rumit serta memerlukan perhatian yang serius.

Jalan penyelesaian segera ialah dengan pengisytiharan darurat oleh Tunku Abdul Rahman di kawasan Kuala Lumpur bagi mengawal situasi yang semakin meruncing (Tunku Abdul Rahman, 2007). Peristiwa tersebut menyebabkan seramai 137 orang terkorban, lebih dari 300 mengalami kecederaan dan banyak rumah serta kenderaan awam musnah (Kua Kia Soong, 2007). Kejadian tersebut memberikan pengajaran kepada kepimpinan negara bahawa perpaduan di negara ini masih terlalu rapuh walaupun negara sudah mencapai kemerdekaan. Berikutan itu, tindakan segera kerajaan ialah dengan membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan Rukun Negara sebagai satu bentuk elemen perkongsian bersama. Peristiwa berdarah ini juga sering kali dikaitkan dengan kebangkitan ‘ilmu selempang merah’ atau ‘parang terbang’ buat kali kedua dalam sejarah Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, iktibarnya ialah bangsa Melayu mempunyai kesantunan yang tinggi namun mereka akan bertindak apabila soal yang melibatkan maruah dan agama mereka diganggu gugat di tanah air tercinta ini.

MALAYSIA YANG TERBILANG

Dalam konteks ini, membina satu bangsa yang bersatu memerlukan pendekatan dan strategi secara holistik. Tidak kira di mana-mana negara sekalipun, keharmonian kaum bagi mencapai integrasi nasional merupakan satu proses yang didambakan namun mempunyai cabaran untuk dicapai. Kesatuan dan perpaduan yang utuh perlu menjadi teras utama dalam kalangan warganegara Malaysia. Perpaduan kaum adalah inti pati utama yang akan membawa kepada pembentukan integrasi nasional. ‘Rumah Malaysia’ yang menjadi idaman diharapkan mempunyai rangkuman pelbagai kaum yang rencam sifatnya namun mempunyai kesatuan utuh dan kental. Negara Malaysia bersatu adalah gabungan pelbagai etnik menjadi sebuah entiti tunggal.

Rukun Negara menjadi kekuatan negara dan perlu dipertahankan kerana mengandungi aspirasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Lima prinsip yang terkandung adalah keterangkuman pelbagai etnik yang terdapat dalam Malaysia (Mohamed Ali Haniffa, 2024). Asimilasi yang berlaku diterima sebagai ciri baharu. Meraikan kepelbagaian dalam kalangan etnik adalah sikap yang diperlukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita perlu menerima hakikat kepelbagaian dan dijadikan sebagai ikatan kekuatan bagi membina kebudayaan nasional. Kekuatan tersebut diperlukan bagi tujuan agenda pembangunan negara (Abdul Rahman Embong, 2006).

Dalam menghadapi survival mendatang kekuatan jati diri dan semangat patriotisme yang kental adalah asas yang seharusnya dimiliki oleh masyarakat Malaysia. Warganegara yang berjiwa merdeka perlu dibina dengan mencari titik persamaan dan bukannya perbezaan. Institusi keluarga berperanan signifikan dalam membentuk generasi pelapis negara yang mempunyai nilai akauntabiliti terhadap tanah air. Sifat-sifat terpuji meliputi kesetiaan dan rela berkorban untuk negara perlu dibajai secara konsisten. Ini kerana institusi kekeluargaan berupaya mendorong menjadi insan yang berjiwa kental dan bermanfaat kepada agama serta negara sekiranya diasuh semenjak kecil lagi (Alauddin Sidal, 2014).

Hasrat merealisasikan Bangsa Malaysia memerlukan formula khusus yang ditunjangi pemikiran segenap lapisan masyarakat. Elemen Patriotisme Malaysia yang disemai berupaya membentuk warganegara dan negara yang akan berkongsi aspirasi sama serta bukan berdasarkan demografi. Sebagai medium komunikasi utama, bahasa menjadi elemen penting bagi membina Bangsa Malaysia. Ini kerana setiap etnik akan berkongsi nilai yang sama sejajar dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Globalisasi tidak dilihat sebagai kekangan dalam memajukan Bahasa Kebangsaan sebaliknya akan memperkuatkan identiti negara.

Sistem Pendidikan Kebangsaan juga perlu berkemampuan melahirkan warganegara yang memperkasakan nilai di samping menyalurkan kemahiran dan pengetahuan moden. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 dilihat mampu menjadi pemangkin untuk memupuk integrasi. Mata pelajaran sejarah merupakan komponen penting pembinaan kesedaran, jati diri dan membina ketamadunan sesuatu bangsa. Justeru itu, mata pelajaran teras yang berunsurkan pengetahuan Kenegaraan Malaysia seharusnya menjadi komponen penting dalam membentuk acuan pembinaan negara bangsa. Revolusi pemikiran sebagai warganegara minda kelas pertama perlu dilakukan dalam konteks menjadi sebuah negara maju.

Perlembagaan menjadi tonggak kekuatan dan simbol kedaulatan serta kemerdekaan sesebuah negara. Prinsip rundingan yang mengutamakan persefahaman dan muhibah diguna pakai dalam proses pengubalan Perlembagaan Persekutuan. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia diraikan dalam peruntukan Perlembagaan dan berperanan sebagai elemen perpaduan. Hal yang demikian juga memartabatkan kedudukan, fungsi dan peranan Yang di-Pertuan Agong serta Raja-Raja Melayu.

KESIMPULAN

Pembentukan Malaysia bertitik tolak daripada proses penjajahan yang berterusan dan berpanjangan. Perkongsian nilai kehidupan bersama bangsa Malaysia yang dibina bertitik tolak daripada cabaran dan proses rumit. Hal yang demikian menyebabkan pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan. Nilai-nilai sejarah, peradaban dan tamadun bangsa perlu dihayati bagi membenihkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Malaysia. Seperti ungkapan pepatah 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri.' Kemakmuran negara luar tidak sedikit pun menggugat kesetiaan dan ketaatan terhadap tanah yang dikongsi bersama.

Sejarah Malaysia haruslah dijadikan panduan oleh anak bangsa Malaysia, terutamanya generasi milenium. Ilmu sejarah dan kenegaraan perlu dipasak ke dalam jiwa setiap anak bangsa. Pembinaan dan kepayahan memugar dan membina Malaysia yang terbilang perlu diuar-uarkan bagi meningkatkan patriotisme. Kemampuan dan kesanggupan berkongsi nilai kehidupan bersama oleh rakyat Malaysia akan menjayaakan matlamat negara.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di atas sokongan dan ruang yang diberikan kepada penerbitan artikel ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ibrahim. (2015). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara-bangsa proses dan perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmat Adam. (2014). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Talib Ahmad. (2006, 1-4 Disember). Darurat dan perpaduan antara kaum. *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.
- Alauddin Sidal. (2014). *Semerah darah seputih tulang*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Berita Harian (1 Jun 2010), 'Keharmonian Masyarakat Majmuk Bermula di Melaka,' *Berita Harian*, 27.
- Butcher, J. G. (1979). *The British in Malaya 1880-1941*. Oxford University Press.
- Burridge, K. O. L. (May 1951). 'Racial relations in Johore.' *Australian Journal of Politics And History*, Vol. II, No. 2, 163-166.
- CO 537/1580. Growth of the inter-racial feeling in Malaya.
- CO 537/3757. Political developments Chinese affairs.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star over Malaya: resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore University Press.
- Comber, L. (2007). *Peristiwa 13 Mei sejarah perhubungan Melayu-Cina*. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Del Tufo, M. V. (1949). *A report on the 1947 census of population*. The Government Publications Bureau.
- Faaland J., Parkinson J., & Rais B. Saniman. (1991). *DEB pertumbuhan dan ketaksamarataan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- FO 371/22159: Memorandum-Japanese Immigration To Manchuria.
- Fajar Asia*. No. 7, 15 Gogatsu 2603, Tahun 1.
- Ginsburg, N. & Chester F. R. Jr. (1958). *Malaya*. University of Washington Press.
- Hairi Abdullah. (1973/4, 1974/5). "Kebangkitan dan gerakan Tentera Selendang Merah dalam sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat." *Jebat*, Bil. 3/4, 9-10.
- Hanrahan, G. Z. (1954). *The Communist Struggle in Malaya*. Institute of Pacific Relations, 1954.
- Ho Hui Ling. (2010). *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ishak Saat (2009). *Malaysia 1945-2000*. Utusan Publications & Distributors.
- Khoo Khay Kim. (1984). 'Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM', dalam Khoo Kay Kim, Adnan Haji Nawang (editor), *Darurat 1948-1960*. Muzium Angkatan Tentera.
- Kua Kia Soong. (2007). *May 13 declassified documents on the Malaysian Riots of 1969*. Suaram Komunikasi.
- Kratoska, P. H. (1997). *The Japanese occupation of Malaya 1941-1945*. University of Hawai'i Press.
- Milner, A. (2016). *Kerajaan budaya politik Melayu di ambang pemerintahan kolonial*. Vinlin Press.
- Mohamed Ali Haniffa. (Bil. 8. 2019). Malaysia tanah airku!, *Dewan Budaya*.
- Mohamed Ali Haniffa. (Bil. 9. 2024). 'Kesepaduan nasional melalui prinsip Rukun Negara,' *Dewan Budaya*, 12-16.
- Mohamed Ali Haniffa, (14 Mac 2025). 'Rai kepelbagaian semai keharmonian 'rumah Malaysia' *Berita Harian*, 11.
- Muhammad Ayman al-'Akiti, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin. (2020). *Shaykh 'Abdu'llah Fahim*. Akademi Jawi Malaysia.
- MU 1099/1946. Daily press summary- 28.12.46, Min Sheng Pau (Chinese Daily) Dated 28.12.46.
- MU. Sec. 6834/47. Dissappearance of two Malays from Muar, 5.6.47-9.6.48.

- MU. Sec. 8434/47. Protest by Majlis Islam Tertinggi, Malayan against using The Koran in swearing in by Muslim youth joining The British Army, 18.7.47-22.9.47.
Mingguan Malaysia, 4 September 2011
- Mills, L. A. (1961). *British Malaya 1824 –67*. MBRAS.
- Ramlah Adam. (2004). *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslan Muhammad & Ishak Saat. (2017). *Keganasan komunis dan kesannya pada zaman darurat 1948-1960 di Daerah Hulu Langat, Selangor*. Penerbit UTHM.
- Saudara*, 1 Februari 1930.
- Sandhu, K. S. (1962) 'Some preliminary observations of the origins and characteristics of Indian migration to Malaya 1786-1957.' *Intisari Vol III, No. 4*, 30.
- Sullivan, P. (1982). *Social relations of dependence in a Malay State: nineteenth century Perak*. Art Printing Works.
- Sudhir Anand. (1983). *Inequality and poverty in Malaysia-measurement and decomposition*. Oxford University Press.
- Siti Rodziah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara pencetus kesedaran masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syonan Sinbun*, 20.6.1943
- Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei sebelum dan selepas*. Utusan Publications & Distributors.
- Victor P. (1948). *The Chinese in Malaya*. Oxford University Press.
- WO 172/1784. War diary.
- WO 172/9773. SECRET, War diary.
- WO 203/5642. Political climate: interviews by British Military Admin with Sultans, Aug-Dec 1945.
- Zulkiple Abd. Ghani, Othman Talib, Farid Mat Zain & Ezad Azraai Jamsari. (2006). *Syeikh Abdullah Fahim ulama Melayu progresif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (2008). *Kerajaan Melaka dalam hubungan antarabangsa, dlm. polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*. Arkib Negara Malaysia.